

**MAJLIS MESYUARAT NEGARA
BRUNEI DARUSSALAM**

**MESYUARAT KEDUA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-21
MAJLIS MESYUARAT NEGARA BAGI TAHUN 2025**

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
SELASA, 5 OGOS 2025**

PJL02/02/2025

1

No. Soalan: PL250

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT PENGIRAN HAJI ISA BIN
PENGIRAN HAJI ALIUDDIN**

TARIKH : 05.08.2025 [SELASA]

SOALAN:

YANG BERHORMAT PENGIRAN HAJI ISA BIN PENGIRAN HAJI ALIUDDIN meminta **MENTERI PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI** menyatakan apakah status terkini *Request for Proposal* (RFP) sistem pengangkutan bas awam? Bilakah isu ini akan dimuktamadkan agar rakyat serta pelancong dapat menikmati sistem perkhidmatan bas awam yang berkualiti, efisien, dan selamat? Sistem pengangkutan bas awam yang berkualiti, efisien dan boleh dipercayai (*reliable*) perlu segera dilaksanakan.

JAWAPAN:

Bismillahir Rahmanir Rahim,
Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh,
Salam sejahtera,
Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat,

Untuk makluman Yang Berhormat, terdapat sejumlah empat belas (14) cadangan (*proposal*) telah diterima setelah tarikh tutup RFP pada 11 Mac 2025, yang mana tiga belas (13) buah adalah terdiri daripada syarikat tempatan termasuk yang mempunyai hubungan rakan kongsi dari luar dan satu (1) buah dari syarikat luar negeri.

Sehubungan itu, satu Jawatankuasa Penilaian '*Request for Proposal (RFP) To Provide, Operate, Manage and Maintain Public Transport Services in Brunei Darussalam*' telah ditubuhkan dengan ahli-ahli yang terdiri dari Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi, Kementerian Kewangan dan Ekonomi,

Kementerian Pendidikan, Kementerian Pembangunan, Jabatan Pengangkutan Darat dan Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei (BEDB).

Jawatankuasa berkenaan telah membuat penilaian terhadap cadangan-cadangan yang diterima serta mengemukakan penyenaian pendek dan cadangan sokongan bagi pertimbangan lanjut. Pertimbangan selanjutnya juga akan melibatkan beberapa pusingan rundingan dengan syarikat pencadang untuk meneliti dengan lebih terperinci mengenai daya maju kewangan serta kandungan dan syarat kontrak untuk diterima pakai.

Berhubung dengan garis masa pelaksanaan, pihak Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi bersama Jabatan Pengangkutan Darat adalah sehaluan dengan Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin untuk hendak melaksanakannya dengan cepat.

Dalam hubungan ini, memandangkan jenis model operasi, model kewangan dan model kontrak yang hendak diperkenalkan adalah baharu maka pihak Kementerian dan Jabatan juga mementingkan supaya penilaian adalah payu serta sebarang keputusan yang dibuat akan menjurus kepada penyediaan perkhidmatan yang mampan untuk jangka panjang.

Sekian sahaja kaola sampaikan, Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Terima kasih.

No. Soalan: PL272**PERTANYAAN : LISAN****DARIPADA : YANG BERHORMAT DAYANG CHONG CHIN YEE****TARIKH : 05.08.2025 [SELASA]****SOALAN:**

YANG BERHORMAT DAYANG CHONG CHIN YEE meminta **MENTERI PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI** menyatakan apakah perkembangan terbaru dalam memperbaiki sistem pengangkutan di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei, sama ada melalui kebenaran pengambilan penumpang oleh Dart di balai ketibaan atau pengintegrasian perkhidmatan teksi ke dalam platform tersebut, bagi memastikan pilihan pengangkutan yang lebih mudah, mampu milik dan inklusif untuk pelancong serta orang awam?

JAWAPAN:

Berkenaan dengan soalan yang diajukan oleh Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee mengenai dengan kebenaran pengambilan penumpang oleh 'e-hailing' seperti Dart di balai ketibaan Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei (LTAB), untuk makluman Yang Berhormat, perkhidmatan e-Hailing seperti Dart pada mulanya telah dilaksanakan secara rintis atau percubaan di mana perkhidmatan Dart hanya dibenarkan untuk mengambil penumpang di lokasi di luar Letak Kereta P2 yang jauh dari Dewan Ketibaan Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei (LTAB).

Berhubung dengan perkara ini, pihak Kementerian telahpun memulakan rundingan semula bersama pengusaha-pengusaha teksi, Dart dan operator letak kereta LTAB mengenai hasrat Kementerian untuk membenarkan perkhidmatan e-Hailing memasuki Letak Kereta P1 sebagai pengguna letak kereta biasa dan mengambil penumpang di kawasan yang dikhususkan.

Hasil daripada rundingan setakat ini, keputusan kompromi awal adalah bagi membenarkan perkhidmatan e-Hailing memasuki Letak Kereta P2 sebagai pengguna letak kereta biasa untuk mengambil penumpang di lokasi yang dikhususkan. Ini adalah bagi mengambil kira keluhan pengusaha-pengusaha teksi persendirian yang menyuarakan kebimbangan hasil pendapatan mereka boleh terjejas akibat langkah membukakan Letak Kereta P1 kepada perkhidmatan e-Hailing. Pada masa yang sama, pengusaha-pengusaha teksi juga telah menyuarakan hasrat mereka untuk menurunkan kadar mereka supaya lebih mesra penumpang dan kompetitif. Namun begitu, pihak Kementerian akan terus memantau perkembangan perkara ini dengan hasrat untuk akhirnya membenarkan perkhidmatan e-Hailing memasuki Letak Kereta

P1 sebagai pengguna letak kereta biasa dan mengambil penumpang di kawasan yang dikhususkan.

Berhubung dengan pengintegrasian perkhidmatan teksi dengan Dart, ini adalah merupakan urusaniaga di antara pengusaha teksi dan Dart. Jabatan Pengangkutan Darat juga tidak menghalang pemandu Dart untuk mendaftarkan diri sebagai pengusaha teksi.

Pada masa akan datang, Jabatan Pengangkutan Darat melalui projek *Smart Transportation System* (STS) di bawah Rancangan Kemajuan Negara Ke-12 (RKN12) akan menyepadukan perkhidmatan teksi dan e-Hailing.

Sekian sampaikan, Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Terima kasih.

No. Soalan: PL222

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YANG BERHORMAT PEHIN ORANG KAYA JOHAN PAHLAWAN DATO SERI SETIA AWANG HAJI ADANAN BIN BEGAWAN PEHIN SIRAJA KHATIB DATO SERI SETIA HAJI MD. YUSOF

TARIKH : 05.08.2025 [SELASA]

SOALAN:

YANG BERHORMAT PEHIN ORANG KAYA JOHAN PAHLAWAN DATO SERI SETIA AWANG HAJI ADANAN BIN BEGAWAN PEHIN SIRAJA KHATIB DATO SERI SETIA HAJI MD. YUSOF meminta **MENTERI PEMBANGUNAN** menyatakan adakah ABCi, selaku autoriti pengawal selia kemajuan, berfungsi dan menguatkuasakan dalam memastikan kontraktor berkenaan mematuhi peraturan-peraturan yang termaktub di bawah *Building Control Order* (2014) khususnya seksyen 15? Perkara ini memandangkan terdapat aduan orang ramai kepada ABCi mengenai kegagalan kontraktor untuk mematuhi pelan yang diluluskan; menyebabkan ketidakpuasan hati hasil kerja serta risiko kepada bangunan.

JAWAPAN:

Terima Kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Terima Kasih juga diucapkan kepada Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Md. Yusof mengenai soalan peranan ABCi selaku autoriti yang memastikan kontraktor mematuhi peraturan-peraturan di bawah Building Control Order, khususnya seksyen 15, *Duties of Builder*.

Di dalam undang-undang dan peraturan Akta Kawalan Bangunan, Penggal 256, Pembina bertanggungjawab dalam melaksanakan kerja-kerja bangunan menurut pelan yang dihadapkan oleh Qualified Person dan telah diluluskan oleh ABCi.

Sebagai usaha berterusan dalam meningkatkan penguatkuasaan, bermula pada September 2025 ini nanti, ABCi akan memperkenalkan dan memaklumkan Notis Amaran 24 Bulan bersyarat sebagai notis rasmi yang ditujukan kepada Pembina, Orang Yang Berkelayakan atau pihak berkepentingan yang telah melanggar peraturan tertentu, dan tidak mematuhi teguran yang diberikan. Pemberigaan peraturan tambahan ini telah mula diadakan pada 29 Julai dan 30 Julai kepada pembina yang berdaftar dengan ABCi, sejauh ini sesi pemberigaan yang diadakan telah dihadiri kira-kira 400 buah syarikat.

Dengan notis amaran ini bermakna jika terdapat sebarang pelanggaran ke atas Akta Kawalan Bangunan (Penggai 256) seperti tidak mematuhi pelan yang diluluskan, atau melanggar terma permit yang dibenarkan, syarikat pembina / kontraktor akan dipantau melalui Notis Amaran 24 bulan Bersyarat.

Sebagai contoh, Notis Amaran 24 bulan Bersyarat akan dikeluarkan kepada syarikat pembinaan bagi perkara-perkara seperti berikut:-

1. Isu Keselamatan, Kesihatan dan persekitaran;
2. Tidak ada maklumbalas atau tindakan diambil kepada surat teguran yang dikeluarkan kepada syarikat pembinaan atau pihak berkepentingan; atau
3. Jika kerja-kerja pembaikan atau pematuhan tidak menepati masa yang telah ditetapkan oleh Autoriti.

Selepas notis tersebut dikeluarkan dan pelanggaran peraturan masih berlaku, tindakan penguatkuasaan akan dikenakan oleh ABCi seperti denda kompaun, penggantungan, atau pendakwaan undang-undang bertujuan bagi memastikan disiplin dan komitmen Pembina menangani isu secara pro-aktif dan selaras dengan undang-undang dan peraturan yang berjalan.

Bermula hujung tahun 2025 ini, mana-mana syarikat yang telah dikeluarkan Notis Amaran 24 bulan Bersyarat akan, mula dibuat *paper transparency*, mana-mana Syarikat akan diterbitkan di dalam sesawang ABCi www.abc.gov.bn.

Selain daripada Notis Amaran di atas, ABCi akan menguatkuasakan Seksyen 12 (1) (c), *Duties of developers* dimana pemaju dikehendaki untuk melantik *Qualified Person* untuk membuat pemantauan atau *supervision* kerja kerja pembinaan/bangunan. Pemberigian peraturan ini akan bermula pada bulan Oktober 2025 ini.

Dengan penguatkuasaan lantikan QP maka peranan kerja-kerja supervision adalah wajib dipatuhi bagi menangani risiko yang dihadapi oleh pemilik umpamanya jika pemilik berdepan dengan rekabentuk yang tidak sesuai, kos dan masa pembinaan yang tidak terkawal dan hasil kualiti pembinaan yang kurang memuaskan.

Oleh sebab itu adalah penting bagi mana-mana individu yang ingin melaksanakan pembangunan untuk melantik dan membuat perbincangan bersama pihak-pihak yang mempunyai kepakaran dalam bidang bersesuaian bagi memastikan risiko tersebut dapat diambil perhatian dan ditangani dengan mengelakkan entiti dan syarikat rakan kongsi yang kurang teliti dalam kepakaran mereka.

Kementerian Pembangunan melalui ABCi akan terus memantau dan mempertingkatkan pematuhan terhadap piawaian pembinaan yang ditetapkan, sambil menggalakkan peranan aktif pihak QP dalam memastikan keselamatan, mutu dan integriti setiap projek pembangunan selaras dengan peraturan dan undang-undang yang berkuat kuasa.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Sekian sahaja jawapan yang Kaola dapat sampaikan dalam menjawab soalan daripada Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Md Yusof. Sekian Terima Kasih.

No. Soalan: PL175

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YANG BERHORMAT AWANG LAU HOW TECK

TARIKH : 05.08.2025 [SELASA]

SOALAN:

YANG BERHORMAT AWANG LAU HOW TECK meminta **MENTERI PEMBANGUNAN** menyatakan apakah rancangan komprehensif Kementerian dalam menyemak semula sistem pengurusan kemudahan awam secara berpusat (*centralised public facility management*) dan pintar, khususnya dalam menangani isu penyelenggaraan jalan, longkang dan bangunan yang sering menjadi rungutan pengguna?

JAWAPAN:

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Terima kasih juga diucapkan kepada Yang Berhormat Awang Lau How Teck atas persoalan berkaitan keperluan bagi menyemak semula sistem pengurusan kemudahan awam secara berpusat dan pintar, khususnya dalam menangani isu penyelenggaraan jalan raya, longkang dan bangunan awam yang sering menjadi tumpuan aduan orang ramai.

Untuk makluman, pada masa ini, pengurusan dan penyelenggaraan kemudahan awam dilaksanakan mengikut bidang kuasa kementerian dan agensi masing-masing. Setiap kementerian mempunyai struktur pengurusan aset dalaman yang bertanggungjawab terhadap penyelenggaraan infrastruktur di bawah seliaan mereka.

Di bawah Kementerian Pembangunan, Jabatan Kerja Raya memainkan peranan utama dalam mengurus penyelenggaraan infrastruktur awam seperti jalan raya, sistem perkhidmatan air, saliran dan sanitasi. Pelaksanaan kerja-kerja ini dibuat melalui kontrak-kontrak penggal yang telah disusun secara menyeluruh. Setiap kontrak disokong oleh dokumen *Bill of Quantities* yang komprehensif bagi memastikan kerja penyelenggaraan dijalankan secara sistematik, mengikut piawaian teknikal, dan berdasarkan keutamaan sebenar di lapangan.

Kementerian juga mengambil pendekatan berterusan dalam menilai keberkesanan sistem sedia ada, serta mengenal pasti ruang penambahbaikan termasuk ke arah penyelarasan yang lebih strategik antara kementerian dan agensi. Dalam jangka panjang, Kementerian akan meneliti mekanisme pengurusan yang lebih bersifat integratif dan teknologi-didorong bagi meningkatkan tahap kecekapan, ketelusan dan keberkesanan penyelenggaraan kemudahan awam.

Usaha ini turut merangkumi pengukuhan tanggungjawab pemilik dan penghuni terhadap penyelenggaraan infrastruktur di kawasan masing-masing, agar keseluruhan persekitaran awam kekal selamat, berfungsi dan mampan untuk kesejahteraan orang ramai.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Sekian sahaja jawapan yang Kaola dapat sampaikan dalam menjawab soalan daripada Yang Berhormat Awang Lau How Teck. Sekian, Terima Kasih.

No. Soalan: PL257

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YANG BERHORMAT AWANG HAJI MOHAMAD
DANIAL @ TEKPIN BIN YA'AKUB

TARIKH : 05.08.2025 [SELASA]

SOALAN:

YANG BERHORMAT AWANG HAJI MOHAMAD DANIAL @ TEKPIN BIN YA'AKUB meminta **MENTERI HAL EHWAL UGAMA** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk mengadakan kaedah atas talian seperti sistem kaedah pungutan zakat melalui bayaran terus dan secara atas talian (*online*) mendapat sambutan setiap tahun? Apakah usaha dan perancangan bagi memperluaskan kaedah ini kepada orang ramai?

JAWAPAN:

Kutipan Zakat Fitrah secara dalam talian (*online*) adalah merupakan salah satu inisiatif yang dilaksanakan oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama sebagai usaha mendokong Plan Transformasi Digital dan turut selaras dengan keperluan perkembangan teknologi digital masakini. Bermula tahun 2021, Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) telah memperkenalkan kutipan zakat fitrah secara online iaitu melalui platform perbankan Islam Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) dan Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB) dan melalui aplikasi syarikat telekomunikasi Datastream Digital Sdn Bhd. (DST), Progresif Sdn Bhd. dan seterusnya diikuti dengan Imagine Sdn.Bhd beberapa tahun berikutnya, selaku penyedia-penyedia perkhidmatan (*service providers*) pembayaran fitrah dalam talian (*online*) bagi pelanggan masing-masing untuk menjadi Amil Majlis Ugama Islam.

Demikian itu juga MUIB pada mesyuaratnya Kali (Ke-lima) (V) Tahun 1445H/2024M pada 10 Jun 2024 telah mengambil keputusan bersetuju agar perkhidmatan pembayaran Zakat Harta secara dalam talian (*Online*) bagi DST untuk dilaksanakan mengikut syarat dan peraturan yang ditetapkan mengenainya.

Dari rekod hasil jumlah zakat fitrah tahun 2024 sejumlah \$328,866.63 zakat fitrah telah dikutip secara online. Jumlah ini menunjukkan kadar peningkatan yang ketara sejak ianya mula diperkenalkan pada tahun 2012 dengan jumlah kutipan online sebanyak \$247,432.57. Demikian itu juga, kutipan zakat fitrah telah meningkat naik sebanyak 9.60% berbanding jumlah kutipan zakat fitrah online tahun 2023 yang sejumlah \$300,059.50.

Kementerian Hal Ehwal Ugama melalui Jabatan Urusan Zakat, Waqaf dan Baitulmal (JUZWAB) bercadang untuk melaksanakan dan mempunyai sistem kutipan zakat

sendiri secara atas talian, namun setakat ini pelaksanaannya masih di peringkat perbincangan dan perancangan awal. Pelan dasar yang dirangka dan dicadangkan ini merangkumi pembinaan Portal JUZWAB yang akan membolehkan pembayar zakat (muzakki) untuk:

- Mendaftar dan membuat pembayaran zakat secara dalam talian melalui e-payment gateway,
- Melakukan akad zakat secara digital,
- Memperkasa pengurusan Sistem 'Amil,
- Menerima resit dan laporan kewangan secara automatik.

Pelan ini akan dibangunkan dalam tiga fasa:

Fasa Pertama – Sistem kutipan zakat dan waqaf atas talian (portal digital, e-payment, e-amil, resit automatik),

Fasa Kedua – Sistem pengurusan dan penilaian permohonan dan agihan zakat kepada asnaf secara atas talian integrasi sistem permohonan Sistem Kebajikan Negara (SKN),

Fasa Ketiga – Program pembangunan dan pengupayaan asnaf melalui sistem digital dan Pemantauan Penyelidikan, Perancangan dan Pembangunan Projek Rumah asnaf yang berkekeluargaan.

Fokus utama pada tahap ini ialah bagi menyempurnakan perancangan teknikal dan operasional, mengadakan rundingan lanjut bersama pihak berkepentingan, termasuk agensi rakan strategik, institusi kewangan dan pembekal teknologi dan merancang fasa rintis berskala kecil sebelum pelaksanaan penuh. Kementerian berhasrat kaedah digital ini akan dapat memudahkan orang ramai dan meningkatkan ketelusan kutipan dan agihan zakat. Perkara ini sedang diberi perhatian serius supaya pelaksanaannya kelak akan benar-benar bermanfaat dan selamat untuk semua pihak.

Beberapa inisiatif telah dan sedang dilaksanakan oleh JUZWAB dalam meningkatkan kefahaman dan kesedaran orang ramai untuk membayar zakat melalui kaedah kaedah ini dengan menggunakan platform laman sesawang Kemementerian dan media sosial Facebook dan Instagram JUZWAB @juzwab yang beroperasi sejak penubuhan JUZWAB. Media Sosial adalah salah satu platform bagi JUZWAB dalam membarigakan hasil kutipan dan agihan zakat, perkhidmatan-perkhidmatan, aktiviti kerja serta pencapaian (milestones) Jabatan, di samping itu, usaha-usaha lain seperti platform media cetak kerajaan akan terus dipergiatkan.

Manakala, Perkhidmatan Pembayaran Zakat Harta Wang Simpanan Secara Dalam Talian (Online) dengan kerjasama pihak DST selaku amil yang di lantik telahpun

bersepakat untuk meningkatkan lagi promosi dan pemasaran perkhidmatan pembayaran zakat harta wang melalui fitur notifikasi MyDST iaitu notifikasi secara PushApps untuk dilaksanakan secara konsisten dan terancang. Usaha-usaha pemasaran dan literasi zakat mengenai kewajipan berzakat ini akan dipertingkatkan dan diperluaskan lagi bersama pelbagai agensi lain.

Untuk makluman bersama, dengan izin Allah jua, Kempen Berzakat menerusi iklan dan promosi juga sedang dipergiatkan oleh JUZWAB bersama dengan Pusat Da'wah Islamiah melalui Seksyen Da'wah dan Ceramah, Bahagian Perhubungan Awam, Antarabangsa dan MABIMS KHEU (BPAAM); Seksyen TV, Radio dan Perdagangan, Radio Televisyen Brunei (RTB) ke arah meningkatkan kempen pembarigaan kewajipan menunaikan zakat secara strategik dan terancang bagi jangkamasa segera, sederhana dan panjang dengan menggunakan pelbagai jenis saluran media seperti Siaran Media, Mesej Ticker TV, Infografik, RTBGo Podcast, Video Pendek Kreatif dan sebagainya serta sistem melalui para da'ie-da'ie, penceramah-penceramah dan media sosial.

No. Soalan: PL158

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YANG BERHORMAT AWANG AMRAN BIN HAJI MAIDIN

TARIKH : 05.08.2025 [SELASA]

SOALAN:

YANG BERHORMAT AWANG AMRAN BIN HAJI MAIDIN meminta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan apakah usaha Kementerian dalam mengekalkan dan melestarikan keindahan Kampung Ayer yang dulunya menjadi kebanggaan negara dengan keunikannya dan sering dikunjungi oleh pembesar-pembesar serta pelancong-pelancong luar negara memandangkan keadaan rumah-rumah yang sudah usang dan terbiar?

JAWAPAN:

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Yang Berhormat Pehin Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat yang dirahmati Allah, yang peramba/Kaola/Saya hormati,

1. Sukacita Kaola mengongsikan bahawa pada tahun 2024 jumlah penduduk di Kampong Ayer adalah seramai 7,793 orang berbanding 28,000 pada tahun 1998. Walaupun pada dasarnya jumlah penduduk di Kampong Ayer semakin berkurangan, akan tetapi Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri terus berusaha untuk mengekalkan dan melestarikan keindahan Kampong Ayer dengan melaksanakan beberapa inisiatif, seperti Projek Pengukuhan Produk atau Pakej Pelancongan Kampong Ayer yang bertujuan untuk memajukan aktiviti-aktiviti pelancongan disamping meningkatkan tahap sosio-ekonomi masyarakat tempatan dan menjadikan Kampong Ayer sebagai salah satu tapak warisan pelancongan.
2. Projek ini mensasarkan kawasan daripada Kampong Bakut Berumput, Mukim Peramu hingga ke Kampong Pekan Lama, Mukim Burung Pingai dengan pembinaan Laluan Konkrit Pejalan Kaki sepanjang 460 meter yang mana telahpun selesai 100% dilaksanakan pada bulan Mei 2023.
3. Fasa seterusnya adalah pembinaan *Mini Wharf* berdepanan Galeri Kebudayaan yang bertujuan bagi kemudahan kapal-kapal untuk berlabuh, yang mana setakat ini pihak Jabatan Kerja Raya sedang dalam penyediaan

dan pengemaskinian rekabentuk sebelum dimuktamadkan bersama dengan pihak Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

4. Selain itu, pada ketika ini, tumpuan diberikan kepada menaiktaraf jambatan kayu utama dan simpang-simpang kecil kepada jambatan konkrit sepanjang 36 kilometer. Ke arah itu, Jabatan Daerah Brunei dan Muara telah dan akan terus melaksanakan kerja-kerja pembaikan kemudahan sedia ada secara berfasa, termasuk jeti dan jambatan. Sejak tahun 2022 hingga 2025 (sehingga 15hb., Julai, 2025), kerja-kerja pembaikan jambatan kayu telah dilaksanakan sepanjang 9.648 kilometer iaitu 27% dari jumlah jambatan keseluruhan di Kampong Ayer dengan kos sebanyak \$997,329.00 melalui lantikan kepada beberapa buah syarikat tempatan mengikut zon bagi pelaksanaan kerja-kerja pembaikan ini. Sementara itu, kerja-kerja membaikpulih jambatan juga dilaksanakan secara *in house* oleh kakitangan di Bahagian Kampong Ayer, Jabatan Daerah Brunei dan Muara dan pembelian kayu dilaksanakan samada secara berkontrak atau tawaran.
5. Dalam kesempatan ini, sukacita Kaola menyeru bahawa adalah menjadi tanggungjawab bersama, khususnya para pemilik bangunan dan rumah, untuk memastikan kecantikan, kebersihan serta keutuhan struktur kediaman masing-masing sentiasa terpelihara. Usaha ini bukan sahaja mencerminkan identiti sebagai rakyat yang bertanggungjawab, malah turut menyumbang kepada kesejahteraan hidup, keharmonian kejiranan, dan kelestarian persekitaran kediaman.

Sekian yang dapat Kaola sampaikan pada menjawab soalan berkenaan. Terima kasih Yang Berhormat Pehin Yang Di-Pertua.

No. Soalan: PL159**PERTANYAAN : LISAN****DARIPADA : YANG BERHORMAT AWANG AMRAN BIN HAJI MAIDIN****TARIKH : 05.08.2025 [SELASA]****SOALAN:**

YANG BERHORMAT AWANG AMRAN BIN HAJI MAIDIN meminta **MENTERI HAL EHWAL UGAMA** menyatakan adakah Kementerian melalui Jabatan Hal Ehwal Masjid merancang untuk menyediakan satu platform yang mengongsikan maklumat berkaitan kemudahan-kemudahan yang diperlukan oleh masjid-masjid ? Ini boleh memudahkan dan membantu orang ramai yang ingin menyumbang atau berwakaf disamping mempercepatkan perolehan kemudahan tanpa bergantung kepada kewangan kerajaan sepenuhnya.

JAWAPAN:

Pada masa ini, pihak Kementerian Hal Ehwal Ugama melalui Jabatan Hal Ehwal Masjid sedang melaksanakan inisiatif bagi mengumpulkan data dan maklumat mengenai kemudahan-kemudahan yang terdapat di masjid-masjid seluruh negara seperti kemudahan bilik pengurusan jenazah, barang kelengkapan pengurusan jenazah, kenderaan jenazah, bilik khas Orang Kelainan Upaya (OKU), tempat letak kereta OKU, Tandas OKU dan sebagainya.

Hasil daripada pengumpulan maklumat dan data tersebut, pihak Kementerian melalui Jabatan Hal Ehwal Masjid merancangkan satu platform bersesuaian di media rasmi Kementerian Hal Ehwal Ugama bagi membantu orang ramai mengetahui kemudahan-kemudahan yang diperlukan di masjid-masjid dan seterusnya boleh menyumbang melalui pendekatan waqaf, sedaqah, hibah atau apa jua instrumen yang bersesuaian mengikut hukum syara'.

Pada masa ini, platform Tabung Dana Pembinaan Masjid Negara Brunei Darussalam telah disediakan yang antara tujuannya adalah bagi menampung kos pembinaan, pengubahsuaian, dan keperluan lain masjid. Tabung ini telah menerima sumbangan daripada warga perkhidmatan awam, syarikat-syarikat swasta dan siapa jua yang ingin beramal jariah atau berwaqaf.

Dalam pada itu, pihak Kementerian sangat menghargai usaha-usaha yang telah dilaksanakan oleh orang ramai sama ada melalui Jawatankuasa Takmir masjid, organisasi/persatuan atau orang-orang persendirian dalam sama-sama berusaha bagi meningkatkan kemudahan-kemudahan masjid tanpa bergantung sepenuhnya

kepada peruntukan Kerajaan dengan niat semata-mata untuk memperoleh ganjaran di sisi Allah Subhanahu Wata'ala.

No. Soalan: PL230**PERTANYAAN : LISAN****DARIPADA : YANG BERHORMAT AWANG LAWI BIN HAJI LAMAT****TARIKH : 05.08.2025 [SELASA]****SOALAN:**

YANG BERHORMAT AWANG LAWI BIN HAJI LAMAT meminta **MENTERI HAL EHWAL UGAMA** menyatakan adakah mosala wakaf berdekatan Jambatan Kianggeh telah diserahkan secara rasmi kepada kementerian? Apakah langkah penyelenggaraan serta pemantauan berkala yang dilaksanakan bagi memastikan kebersihan, penjagaan dan mengelakkan penyalahgunaan wakaf tersebut?

JAWAPAN:

Terlebih dahulu, ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pewakaf yang telah berbesar hati mewakafkan surau atau musholla yang terletak di kawasan Dermaga Diraja, Bandar Seri Begawan berdekatan Jambatan Kianggeh yang telah dibina hasil inisiatif dan pewaqafan oleh seorang pewaqaf bersama keluarganya yang berasal dari kampong ayer, dan turut menghargai sumbangan mereka dalam memastikan musholla tersebut sentiasa terpelihara, dengan menggaji seorang pekerja khusus bagi menjaga kebersihan dan penyelenggaraan bahagian dalam musholla termasuk bayaran kos penggunaan utiliti, sejak ianya digunakan sebagai kemudahan beribadah kepada orang ramai khususnya pengunjung dan pelancong yang berada di kawasan tersebut.

Adapun permohonan bagi wakaf Musholla Haji Abas Sulaiman ini telah mendapat kebenaran daripada Majlis Ugama Islam Brunei.

Pada mesyuarat Majlis Ugama Islam Brunei yang bersidang pada hari Sabtu, 29 Rabiulawal 1434H bersamaan 12hb. Januari 2013, Majlis telah mengambil maklum dan bersetuju dengan cadangan pembinaan musholla di kawasan tersebut untuk membolehkan orang ramai menunaikan sembahyang fardu lima waktu. Lukisan pelan surau telah dikemukakan dan diluluskan oleh Majlis dalam mesyuarat tersebut.

Walaupun surau ini dibina atas asas waqaf, urusan pentadbiran dan pengurusannya, termasuk aspek kebersihan dan penjagaan bagi kawasan luar musholla, adalah dikendalikan oleh Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan. Manakala sebahagian daripada kawasan tersebut termasuk kawasan letak kereta adalah dibawah kontrak pengurusan letak kereta yang telah diswastakan. Oleh itu, sebarang usaha penyelenggaraan fizikal harian adalah dalam bidang kuasa jabatan tersebut.

No. Soalan: PL255

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YANG BERHORMAT AWANG HAJI MOHAMAD
DANIAL @ TEKPIN BIN YA'AKUB

TARIKH : 05.08.2025 [SELASA]

SOALAN:

YANG BERHORMAT AWANG HAJI MOHAMAD DANIAL @ TEKPIN BIN YA'AKUB meminta **MENTERI PEMBANGUNAN** menyatakan adakah tahap kualiti pembinaan dan pemeliharaan jalan raya dan saliran mengikut dan dinilai berdasarkan garis panduan atau piawaian (standard) di peringkat nasional ataupun antarabangsa? Adakah semua kerja-kerja yang sedia ada mematuhi standard berkenaan, di dalam memantapkan kualiti perkhidmatan yang sempurna?

JAWAPAN:

Terima kasih, Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Menjawab persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial @ Tekpin bin Ya'akub., dimaklumkan bahawa Kementerian Pembangunan melalui Jabatan Kerja Raya sentiasa komited memastikan kerja-kerja pembinaan dan penyelenggaraan jalan raya serta sistem saliran dilaksanakan mengikut piawaian kejuruteraan yang tinggi, demi menjamin keselamatan dan keselesaan pengguna jalan raya.

Sebagai garis panduan utama, Jabatan menggunakan dokumen teknikal seperti **General Specifications (GS)**, **Guidance Documents (GD)**, serta manual khusus seperti **Stormwater Management Manual (SMM)** dan **Urban Drainage Design Manual (UDDM)**.

Bagi memastikan tahap kualiti kerja dipatuhi, Jabatan yang berkenaan turut melaksanakan ujian teknikal secara sistematik dan berterusan, antaranya:

1. *Field Density Test* – bagi menilai kepadatan tanah di tapak bina;
2. *CBR Test* – untuk menentukan daya sokongan tanah terhadap beban struktur jalan;
3. *Concrete Cube Test* – bagi memastikan kekuatan konkrit mencapai tahap yang ditetapkan;
4. *Slump Test* – menilai konsistensi campuran konkrit;
5. *Temperature Check* – bagi memastikan suhu yang sesuai semasa proses pengaspalan; dan
6. *Design Mix Verification* – bagi menentukan campuran aspal yang optimum.

Melalui pendekatan ini, Kementerian memastikan mutu infrastruktur awam kekal pada tahap yang selamat, tahan lama dan mampu memberi manfaat berterusan kepada rakyat. Kementerian juga mengakui bahawa terdapat kelemahan dalam pelaksanaan sebelum ini. Walaubagaimanapun, langkah-langkah penambahbaikan sedang dan akan terus dilaksanakan secara berfasa bagi menangani kelemahan tersebut secara menyeluruh dan berkesan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Sekian sahaja jawapan yang Kaola dapat sampaikan dalam menjawab soalan daripada Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial @ Tekpin bin Ya'akub.

No. Soalan: PL259

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YANG BERHORMAT AWANG MOHAMMAD BIN
ABDULLAH @ LIM SWEE ANN

TARIKH : 05.08.2025 [SELASA]

SOALAN:

YANG BERHORMAT AWANG MOHAMMAD BIN ABDULLAH @ LIM SWEE ANN meminta **MENTERI PEMBANGUNAN** menyatakan apakah perancangan Kementerian Pembangunan melalui Jabatan Kerja Raya untuk menerangi cat garis jalan dan menambah garis jalan di kiri dan kanan bibir jalan kawasan pendalaman terutamanya jalan utama?

JAWAPAN:

Terima Kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Terima Kasih juga diucapkan kepada Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah @ Lim Swee Ann bagi soalan yang telah diajukan mengenai perancangan Kementerian Pembangunan bagi menerangkan cat garis jalan di kawasan pendalaman, terutamanya jalan utama.

Sebagai makluman, kerja-kerja mengecat semula garis jalan yang telah pudar telahpun disiapkan di beberapa laluan utama di kawasan pedalaman, antaranya:

- Jalan Rambai dan Jalan Rambai–Merimbun, Daerah Tutong
- Jalan Bukit Sulang, Daerah Tutong
- Jalan Labi dan Jalan Merangking, Daerah Belait

Pelaksanaan kerja-kerja seumpama ini akan diteruskan secara berperingkat mengikut keutamaan dan peruntukan yang tersedia, termasuk di laluan berikut:

- Jalan Layong–Lamunin dan Jalan Bukit Sulang, Daerah Tutong, yang dijadualkan pembukaan sebutarga pada 11 Ogos 2025
- Jalan Tanjong Maya–Penapar, Daerah Tutong, dengan pembukaan sebutarga dijangka pada 18 Ogos 2025

Sebagai langkah mempercepatkan tindakan, orang ramai atau pihak berkepentingan yang ingin mengemukakan keperluan berkaitan kerja jalan raya dinasihatkan untuk membuat laporan melalui Talian Darussalam 123, di samping memaklumkan perkara tersebut kepada Pengarah Jabatan Jalan Raya serta Setiausaha Tetap Kementerian Pembangunan bagi perhatian dan tindakan lanjut.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Sekian sahaja jawapan yang Kaola dapat sampaikan dalam menjawab soalan daripada Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah @ Lim Swee Ann.

No. Soalan: PL251

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YANG BERHORMAT PENGIRAN HAJI ISA BIN
PENGIRAN HAJI ALIUDDIN

TARIKH : 05.08.2025 [SELASA]

SOALAN:

YANG BERHORMAT PENGIRAN HAJI ISA BIN PENGIRAN HAJI ALIUDDIN meminta **MENTERI KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN** menyatakan bolehkah Kementerian meneliti dan mengkaji semula syarat kelayakan skim bantuan SKN secara lebih telus? Ini memandangkan terdapatnya pemohon yang ditolak walaupun gaji mereka tidak mencukupi untuk menampung tanggungan keluarga yang ramai, menimbulkan kebimbangan tentang keadilan semasa proses penilaian bantuan.

JAWAPAN:

1. Terima kasih Yang Berhormat Pehin Yang Di-Pertua dan Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin di atas pertanyaan mengenai perancangan Kementerian untuk meneliti dan mengkaji semula syarat kelayakan skim bantuan SKN.
2. Pertama sekali, peramba/kaola /saya ingin menjelaskan bahawa SKN adalah sebuah sistem yang digunakan sebagai platform untuk menerima dan memproses permohonan Bantuan Kebajikan Bulanan, Bantuan Agihan Zakat bagi Asnaf Fakir dan Miskin dan Bantuan Keperluan Persekolahan Tahunan. Dalam aspek ketelusan dalam memproses permohonan-permohonan bantuan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan sentiasa mengambil keprihatinan yang serius bagi memastikan bantuan-bantuan yang dihulurkan kekal relevan dengan keadaan semasa.
3. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam memutuskan kelayakan penerima bantuan, Kementerian ini mengambil rujukan daripada Kos Minima Keperluan Asas (KMKA) yang dihasilkan oleh Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik (JPES) berdasarkan Kajian Perbelanjaan Keluarga pada tahun 2015/2016. Perkiraan KMKA dihasilkan melalui analisis terperinci mengenai kos keperluan asas yang perlu dipenuhi oleh sesebuah isi rumah, termasuk pengambilan kira faktor bilangan tanggungan dan perbelanjaan isi rumah household expenditure). Maklumat ini dijadikan asas yang penting dalam menentukan kelayakan permohonan bantuan. Kelayakan menerima bantuan mengikut KMKA juga diselaraskan mengikut *ratio* dan nilai kesetaraan *Organisation for Economic Cooperation and Development (OECD)-Modified* bagi menyelaraskan jumlah bantuan yang berpatutan untuk setiap ahli dalam sesebuah keluarga atau isi

rumah. Nilai kesetaraan *OECD-Modified* digunakan oleh kebanyakan negara di seluruh dunia sebagai ukuran dalam menilai ketidaksamaan pendapatan dan tahap golongan berpendapatan rendah dalam sesebuah negara. KMKA dan nilai kesetaraan *OECD-Modified* digabungkan dan dijadikan sebagai ukuran untuk menilai kelayakan sesebuah isi rumah atau seseorang individu dalam menerima bantuan (*means-testing*).

4. Sebagai usaha berterusan bagi memastikan kriteria yang digunapakai kekal relevan dengan keadaan sosio-ekonomi semasa dan lebih inklusif terhadap pelbagai latar belakang pemohon, pihak JAPEM kini sedang dalam proses mengemaskini garis pandu kelayakan penilaian bantuan kebajikan bulanan.
5. Sebagai sebahagian daripada proses pengemaskinian ini, JAPEM juga melaksanakan bengkel yang melibatkan ahli-ahli Jawatankuasa Menilai Bantuan Kebajikan Bulanan, Penghulu-Penghulu dan Ketua-Ketua Kampung serta agensi-agensi yang berkenaan untuk mendapatkan input penambahbaikan mengikut portfolio masing-masing. Bengkel ini bertujuan untuk menilai semula kriteria dan pendekatan penilaian yang sedia ada serta mencadangkan penambahbaikan bagi meningkatkan ketelusan dan keadilan dalam membuat keputusan permohonan bantuan.
6. Sekian sahaja yang dapat diulaskan, junjung kasih / terima kasih.

No. Soalan: PL285

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YANG BERHORMAT AWANG HAJI MD. SALLEH
BIN HAJI OTHMAN

TARIKH : 05.08.2025 [SELASA]

SOALAN:

YANG BERHORMAT AWANG HAJI MD. SALLEH BIN HAJI OTHMAN meminta **MENTERI PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI** menyatakan apakah sebab utama kereta kelas memandu tidak lagi diperkuatkuasakan menggunakan ikon cat / warna hijau putih kerana alasan guna pakai yang merisaukan dari segi keselamatan dan kebersihannya? Adakah pihak JPD merevisi harga kelas memandu kereta *automatic* dengan harga berpatutan kerana lebih digemari golongan perempuan?

JAWAPAN:

Terima kasih kepada Yang Berhormat Awang Haji Md. Salleh bin Haji Othman atas soalan mengenai ikon cat kereta kelas memandu dan juga harga kelas memandu kereta automatik.

Berhubung dengan keputusan Jabatan Pengangkutan Darat untuk tidak lagi mensyaratkan kereta-kereta sekolah memandu dicat hijau pada bahagian atas kereta, keputusan tersebut adalah dibuat supaya selaras dengan usaha untuk tidak menghadkan kereta yang digunakan untuk belajar dan ujian kepada kenderaan sekolah memandu sahaja asalkan berwarna putih mengikut saiz atau ukuran bentuk kereta yang telah ditetapkan.

Seterusnya mengenai kerisauan dari segi keselamatan, peraturan yang dikenakan kepada kereta yang digunakan untuk belajar dan ujian memandu mestilah mempunyai lesen kenderaan yang sah dan dimestikan untuk meletakkan tanda 'L' mengikut Bahagian V (Syarat-syarat lesen memandu sementara), Seksyen 16(c) di bawah Peraturan-Peraturan Lalulintas Jalan Raya (Lesen Memandu), 2013.

Jika terdapat kejadian di mana keadaan keselamatan dan kebersihan kereta yang digunakan adalah difikirkan tidak selamat dan tidak bersih bagi keselesaan pelajar memandu adalah digalakkan untuk menghubungi Talian Darussalam TD123 atau Whatsapp Hotline JPD, 7181641.

Berhubung dengan Lesen Memandu Kelas 3A (iaitu transmisi automatik), ianya mula diperkenalkan pada 1hb Julai 2024. Salah satu objektifnya di samping memperkenalkan pilihan tambahan adalah supaya tempoh belajar dapat memberi tumpuan lebih kepada kemahiran menggunakan jalan raya. Secara tidak langsung ini

boleh mengurangkan tempoh lebih masa belajar dan juga diharapkan boleh menjimatkan belanja menjalani latihan berbanding dengan pembelajaran penggunaan transmisi manual.

Sekolah-Sekolah Memandu adalah yang bertanggungjawab untuk menetapkan harga yuran bagi mengikuti kelas memandu masing-masing. Namun begitu, Jabatan Pengangkutan Darat dengan niat untuk menggalakkan harga yuran yang mampu milik telah menasihati pengusaha-pengusaha Sekolah Memandu agar sentiasa menawarkan harga yang lebih kompetitif dan berpatutan selaras dengan peruntukan di bawah Akta Persaingan, Bab 253. Harga-harga yuran sekolah-sekolah memandu juga telah dipaparkan dalam laman sesawang dan Instagram Jabatan Pengangkutan Darat untuk menggalakkan ketelusan dan persaingan.

Sekian dahulu kaola kongsikan, Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Terima kasih.

No. Soalan: PL180

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YANG BERHORMAT PEHIN ORANG KAYA
INDERA PAHLAWAN DATO SERI SETIA AWANG
HAJI SUYOI BIN HAJI OSMAN

TARIKH : 05.08.2025 [SELASA]

SOALAN:

YANG BERHORMAT PEHIN ORANG KAYA INDERA PAHLAWAN DATO SERI SETIA AWANG HAJI SUYOI BIN HAJI OSMAN meminta **MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI DAN MENTERI KEWANGAN DAN EKONOMI II** menyatakan berapakah anggaran jumlah pekerjaan yang akan diwujudkan dalam tahun-tahun menjelang Wawasan Brunei 2035 dengan mengambil kira keluaran graduan serta pencari pekerjaan yang semakin bertambah?

JAWAPAN:

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua,

Kaola ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat **Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman** atas pertanyaan berhubung dengan anggaran jumlah pekerjaan yang akan diwujudkan dalam tahun-tahun menjelang Wawasan Brunei 2035 dengan mengambil kira keluaran graduan serta pencari pekerjaan yang semakin bertambah.

Menjelang tahun 2035, jumlah penduduk bagi Negara Brunei Darussalam adalah diunjurkan akan mencapai seramai 511,100 orang, iaitu peningkatan purata tahunan sebanyak 1.1 peratus. Dari anggaran ini, jumlah penduduk yang berada dalam kumpulan *working age* adalah seramai 407,500 orang. Dengan kadar penyertaan tenaga kerja sebanyak 65 peratus, jumlah bekalan pekerjaan (*supply*) menjelang tahun 2035 adalah sebanyak kira-kira **265 ribu jumlah pekerjaan**. Ini adalah penambahan sebanyak 43 ribu jumlah pekerjaan, atau peningkatan sebanyak 1.2 peratus secara purata tahunan, jika dibanding dengan jumlah pekerjaan yang dicatatkan pada tahun 2024, iaitu 222 ribu pekerjaan.

Jika dilihat aspek permintaan (*demand*) daripada industri pula, dengan mengambil kira aktiviti-aktiviti yang sedia ada dijalankan serta juga projek dan inisiatif baru yang telah dikenalpasti, jumlah anggaran peluang pekerjaan yang akan diwujudkan dalam tempoh 5 tahun (2024 hingga 2028) adalah sekitar 22 ribu pekerjaan. Jumlah unjuran ini merangkumi peluang pekerjaan dalam sektor kerajaan dan sektor swasta termasuk pelaburan langsung asing (*Foreign Direct Investment – FDI*) dan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (MSME).

Anggaran jumlah peluang pekerjaan di atas sehingga 2028 belum mengambilkira potensi peningkatan penjaan pekerjaan secara tidak langsung (*indirect*), hasil daripada kesan limpahan aktiviti-aktiviti ekonomi yang sedang dan akan dijalankan di negara ini. Sebagai contoh, dalam sektor pelancongan, peningkatan aktiviti di sektor ini dijangka akan dapat memberi kesan limpahan kepada sektor-sektor lain, iaitu seperti sektor barangan runcit dan juga sektor makanan dan minuman (F&B) hasil daripada peningkatan jumlah pelancong yang datang ke negara ini. Selain itu, dengan bertambahnya bilangan penduduk yang bekerja, perbelanjaan domestik juga dijangka akan turut meningkat dan seterusnya membantu merangsang pertumbuhan ekonomi dan penjaan pekerjaan yang lebih meluas melalui kesan pengganda (*multiplier effect*).

Anggaran 22,000 pekerjaan yang dikongsikan di atas (dari 2024 hingga 2028) juga tidak mengambil kira FDI baharu yang boleh mewujudkan lebih banyak pekerjaan langsung dan tidak langsung serta usaha berterusan untuk menarik lebih banyak FDI dan peningkatan penyertaan MSME tempatan. Oleh yang demikian, jumlah pekerjaan yang diwujudkan pada 2024-2028 dan tahun-tahun seterusnya dijangka akan meningkat.

Namun begitu, anggaran sebenar bilangan peluang pekerjaan yang akan diwujudkan memerlukan kajian dan pemantauan yang berterusan. Ini penting agar anggaran tersebut kekal relevan dan selaras dengan perkembangan semasa ekonomi, sama ada di dalam dan luar negara serta perubahan dalam keperluan setiap sektor.

Sebagai contoh, sektor pelancongan mungkin akan terus bergantung kepada tenaga kerja buruh dalam jumlah yang besar. Sementara itu, sektor hiliran cenderung untuk menjadi lebih intensif dari segi penggunaan modal dan teknologi. Manakala sektor seperti Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) pula dijangka memerlukan tenaga kerja berkemahiran tinggi, terutamanya dalam bidang pembangunan perisian, keselamatan siber, dan data *analytics*.

Selain itu, kita juga perlu memantau kesan yang dibawa oleh perkembangan pesat dalam teknologi. Kemajuan teknologi ini bukan sahaja akan mengubah jenis kemahiran yang diperlukan, tetapi juga modul operasi sesebuah perniagaan. Contohnya, penggunaan automasi dan kecerdasan buatan (AI) semakin menggantikan banyak proses yang sebelum ini dilakukan oleh tenaga kerja. Oleh itu, kemajuan teknologi ini memerlukan kita untuk terus adaptable dan memastikan tenaga kerja kita dilengkapi dengan kemahiran yang relevan dan dinamik. Oleh itu, perancangan tenaga kerja negara perlu bersifat fleksibel, berpandangan jauh, dan berorientasikan data, bagi memastikan keperluan sektor dapat dipenuhi serta rakyat kita dapat disediakan dengan kemahiran yang bersesuaian.

Sekian. Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

No. Soalan: PL264

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YANG BERHORMAT AWANG MOHAMMAD BIN
ABDULLAH @ LIM SWEE ANN

TARIKH : 05.08.2025 [SELASA]

SOALAN:

YANG BERHORMAT AWANG MOHAMMAD BIN ABDULLAH @ LIM SWEE ANN meminta **MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI** menyatakan apakah perancangan Jabatan Perkhidmatan Elektrik untuk menambah lampu-lampu jalan (*street light*) di kawasan jalan pedalaman kerana lampu-lampu jalan yang sedia ada cuma di sebahagian tempat saja.

JAWAPAN:**Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Selamat Petang dan Salam Sejahtera

Yang Berhormat Yang Di-Pertua,

1. Jabatan Perdana Menteri menyambut baik soalan Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah yang mana mencerminkan keprihatinan dalam mengutamakan kesejahteraan dan keselamatan penduduk dan rakyat Negara Brunei Darussalam. Ianya adalah dasar pihak Kerajaan melalui Jabatan Tenaga di Jabatan Perdana Menteri dan Jabatan Perkhidmatan Elektrik (JPE) untuk menyediakan kemudahan seperti Lampu Awam terutama sekali bagi jalan-jalan utama atau gunasama, termasuk jua jalan-jalan di kawasan pedalaman. Penyediaan dan pemasangan kemudahan tersebut adalah dinilai berpanduan kepada keutamaan dan keperluan yang tertentu.
2. Dalam hal penyediaan dan pemasangan kemudahan-kemudahan tersebut, terdapat empat (4) projek pemasangan lampu awam dibawah Rancangan Kemajuan Negara Ke-12 (RKN12), yang mana salah satunya termasuk projek di kawasan pedalaman Daerah Temburong iaitu di Simpang Tiga Puni/Bokok hingga Temada yang sedang dalam perlaksanaan dan dijangka akan siap pada bulan Oktober tahun ini.

3. Bagi kawasan-kawasan di pedalaman Daerah Belait pula, beberapa projek-projek telahpun dirancang di bawah Rancangan Kemajuan Negara ke-13 (RKN13) pada tahun 2029 hingga 2030 iaitu termasuk Jalan Labi, Merangking, dan Bukit Sawat Fasa 2.
4. Yang Berhormat Yang Di-Pertua, pemasangan lampu jalan di kawasan ulu atau pedalaman mempunyai cabarannya tersendiri yang mana antaranya adalah kos pelaburan yang lebih tinggi untuk membina aset atau infrastruktur elektrik tambahan seperti substesen, kabel elektrik dan sebagainya untuk menyambungkan bekalan tenaga ke tiang-tiang lampu yang akan didirikan. Selain dari itu, pemuktamadan dalam perancangan jalan dan koridor tepi jalan juga memainkan peranan penting dalam menentukan lokasi yang tepat bagi pemasangan lampu awam.
5. Sebagai salah satu langkah alternatif, pihak Kerajaan melalui Jabatan Perkhidmatan Elektrik akan meneroka pemasangan lampu jalan berasaskan tenaga solar di kawasan-kawasan pedalaman yang mana langkah ini dinilai adalah lebih berkesan dari segi kos kerana tidak memerlukan pembinaan infrastruktur tambahan, di samping mempunyai kos operasi dan kos penyelenggaraan yang lebih rendah berbanding lampu jalan konvensional. Inisiatif ini juga adalah selaras dengan matlamat negara bagi meningkatkan penggunaan tenaga boleh diperbaharui sebagai sebahagian daripada usaha peralihan tenaga.
6. Bagi pemasangan lampu di kawasan-kawasan bukan pedalaman pula, beberapa projek telahpun siap dilaksanakan pada tahun lepas iaitu projek pemasangan lampu di Sungai Bera, Anduki. Manakala dua lagi projek pemasangan lampu dijangka akan siap pada pertengahan dan penghujung tahun 2026, iaitu Lorong Tiga Barat Seria dan Mumong Bypass.
7. Sebagai usaha berterusan dalam memelihara aset-aset lampu jalan raya, Jabatan Perkhidmatan Elektrik menjalankan pemeriksaan secara berjadual, khususnya pada panel kawalan setiap lampu awam bagi memastikan ianya sentiasa berada dalam keadaan yang sempurna dan selamat.
8. Dikesempatan ini, Jabatan Perkhidmatan Elektrik juga mengharapkan sokongan dan kerjasama orang ramai dan semua agensi, untuk sama sama menjaga dan memelihara aset-aset kemudahan yang telah disediakan untuk kesejahteraan rakyat dan penduduk di negara ini. Orang ramai bolehlah melaporkan sebarang cubaan pengubahan, kerosakan atau pencerobohan terhadap aset-aset Jabatan Perkhidmatan Elektrik termasuk lampu jalan atau peralatannya dengan menghubungi Jabatan Perkhidmatan Elektrik atau Talian Darussalam 123.

No. Soalan: PL164**PERTANYAAN : LISAN****DARIPADA : YANG BERHORMAT AWANG HAJI DAUD BIN JIHAN****TARIKH : 05.08.2025 [SELASA]****SOALAN:**

YANG BERHORMAT AWANG HAJI DAUD BIN JIHAN meminta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan bilakah Dewan Serbaguna di Bengkel Jabatan Bandaran di kawasan Kampong Belimbing boleh digunakan sepenuhnya untuk aktiviti kampung dan sukan seperti lazimnya? Ini memandangkan Dewan ini belum dapat digunakan kerana sebab-sebab tertentu.

JAWAPAN:

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Yang Berhormat Pehin Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat yang dirahmati Allah, yang peramba/Kaola/saya hormati,

1. Dewan Serbaguna di Bengkel Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan di Kampung Subok sebelum ini merupakan antara prasarana yang sering dimanfaatkan oleh warga Jabatan dan komuniti setempat dalam mengadakan aktiviti kesukanan dan acara sosial seperti majlis perkahwinan. Namun demikian, dewan ini telah ditutup penggunaannya sejak awal tahun 2024 atas dasar keselamatan dan juga untuk membolehkan pembaikan secara berfasa dibuat.
2. Sehubungan itu, sukacita dimaklumkan bahawa para penduduk kampung masih boleh memanfaatkan kemudahan dewan sekolah yang terletak di bawah kawalan Kementerian Pendidikan di kampung masing-masing atau kampung berdekatan bagi kegiatan rasmi seperti mesyuarat-mesyuarat Majlis Perundingan Mukim dan Kampung, walaubagaimanapun, bagi kegiatan sukan, ianya adalah tertakluk kepada kebenaran pihak kementerian berkenaan dengan dikenakan bayaran sewa mengikut kadar yang ditetapkan. Dalam hal ini, sekiranya dewan tersebut diperlukan bagi tujuan aktiviti rasmi sekolah, seperti peperiksaan dan program- program pendidikan yang lain, maka keutamaan akan diberikan kepada keperluan pihak sekolah terlebih dahulu.

Sekian yang dapat Kaola sampaikan pada menjawab soalan berkenaan. Terima kasih Yang Berhormat Pehin Yang Di-Pertua.

No. Soalan: PL174

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YANG BERHORMAT AWANG LAU HOW TECK

TARIKH : 05.08.2025 [SELASA]

SOALAN:

YANG BERHORMAT AWANG LAU HOW TECK meminta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan bagaimanakah pendekatan Kementerian dalam mengenal pasti dan memanfaatkan tapak atau bangunan yang tidak diusahakan, termasuk tapak dan bangunan wakaf yang berpotensi dikembangkan untuk manfaat komuniti atau sebagai infrastruktur awam?

JAWAPAN:

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Yang Berhormat Pehin Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat yang dirahmati Allah, yang peramba/Kaola/Saya hormati,

1. Sukacita Kaola memperjelaskan sekali lagi bahawa bangunan Kerajaan yang kosong dan terbiar, adalah di bawah Jawatankuasa Menangani Bangunan-Bangunan Kosong di Kementerian Kewangan dan Ekonomi yang dipengerusikan bersama oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II dan Yang Berhormat Menteri Pembangunan.
2. Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri melalui Jabatan-Jabatan di bawahnya, telah menghadapkan senarai bangunan-bangunan yang kosong kepada Jawatankuasa berkenaan pada 10hb., November, 2021. Dalam masa yang sama pihak Kementerian ini juga telah mengenalpasti beberapa buah bangunan yang telah ditukar objektif asal pembangunannya, sebagai contoh:
 - 2.1. **Rumah Pangsa (Block A), Kampong Sumbiling, Subok**, Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan: Lima (5) unit Rumah Pangsa telah diserahkan kepada Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan (NDMC) pada 30hb., Januari, 2025. Perancangan seterusnya adalah untuk dijadikan pusat pemindahan sementara bagi mangsa-mangsa bencana apabila diperlukan.

-
- 2.2. **Barek Perumahan JKR Bukit Barun (Block B, JKR 840):** Barek ini telah diserahkan kepada Jabatan Daerah Tutong untuk dijadikan sebagai Pusat Pemindahan Sementara Evakuasi (PPSe). Pada masa ini, salah satu unit di flat ini sedang didiami oleh keluarga mangsa bencana di bawah kawalan JAPEM;
 - 2.3. **Flat Kelas 'E' PWD 168 dan PWD169, Pekan Bangar** telah dijadikan pusat penempatan sementara oleh Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) dan Jabatan Urusan Zakat, Waqaf dan Baitulmal (JUZWAB);
 - 2.4. **Dewan serbaguna Taman Persiaran Kuala Belait** telah digunakan sebagai Pejabat Cawangan Penguatkuasaan Undang-Undang, Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan;
 - 2.5. **Blok 1, Bekas Bangunan Jabatan Penyelidikan Brunei** telah diserahkan kepada Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan pada 1hb., April, 2023 bagi menempatkan pegawai dan kakitangan Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan.
3. Manakala, bagi tanah-tanah wakaf, ianya bukanlah di bawah bidang kuasa Kementerian ini.

Sekian yang dapat Kaola sampaikan pada menjawab soalan berkenaan. Terima kasih Yang Berhormat Pehin Yang Di-Pertua.

No. Soalan: PL161

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **YANG BERHORMAT AWANG HAJI DAUD BIN JIHAN**

TARIKH : **05.08.2025 [SELASA]**

SOALAN:

YANG BERHORMAT AWANG HAJI DAUD BIN JIHAN meminta **MENTERI PEMBANGUNAN** menyatakan adakah perancangan untuk menangani keadaan lalulintas yang amat merbahaya, khususnya sekitar Lebuhraya Muara-Tutong iaitu di *U-Turn* untuk menuju ke Sekolah Vokasional Tanah Jambu?

JAWAPAN:

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua, dan terima kasih kepada Yang Berhormat Awang Haji Daud bin Jihan atas persoalan yang dibangkitkan berkaitan keadaan lalu lintas di kawasan Lebuhraya Muara-Tutong, khususnya di pusingan 'U' menuju ke Sekolah Vokasional Tanah Jambu.

Untuk makluman, Kementerian Pembangunan melalui Jabatan Jalan Raya telah merancang dan melaksanakan beberapa inisiatif bagi meningkatkan tahap keselamatan jalan raya di kawasan berkenaan.

Antaranya, kerja-kerja pembinaan jejambat yang merentasi Lebuhraya Muara-Tutong berhampiran Tapak Perindustrian Tanjung Kajar sedang berjalan dan dijangka siap sepenuhnya menjelang akhir tahun 2026. Setelah siap, pusingan 'U' yang sedia ada akan ditutup dan aliran trafik akan dialihkan melalui jejambat bagi laluan yang lebih selamat dan tersusun.

Sementara menunggu projek tersebut disiapkan, beberapa langkah kawalan keselamatan telah dilaksanakan. Ini termasuk pemasangan garisan kuning jenis "rumble strip" dan tanda jalan "PERLAHAN" bagi memperlahankan kelajuan kenderaan serta meningkatkan tahap kewaspadaan pengguna jalan raya apabila menghampiri kawasan berkenaan.

Berdasarkan rekod dari tahun 2022 hingga 2024, hanya dua (2) insiden kemalangan sendiri telah direkodkan di lokasi ini, yang tidak melibatkan kecederaan dan hanya menyebabkan kerosakan kecil kepada infrastruktur awam seperti penghadang jalan.

Kementerian akan memantau kawasan ini dari semasa ke semasa dan menyesuaikan langkah-langkah keselamatan yang bersesuaian mengikut keperluan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Sekian sahaja jawapan yang Kaola dapat sampaikan dalam menjawab soalan daripada Yang Berhormat Awang Haji Daud bin Jihan. Sekian, Terima Kasih.

No. Soalan: PL212

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YANG BERHORMAT DR. AWANG HAJI MAHALI
BIN HAJI MOMIN

TARIKH : 05.08.2025 [SELASA]

SOALAN:

YANG BERHORMAT DR. AWANG HAJI MAHALI BIN HAJI MOMIN meminta **MENTERI HAL EHWAL UGAMA** menyatakan apakah usaha Kementerian untuk mempermudah proses kelulusan pensijilan halal agar ia tidak mengambil masa yang panjang kerana memandangkan masa itu adalah emas? Terdapat sungutan dari pengusaha-pengusaha berkaitan dengan kelambatan pengeluaran sijil Halal (ada yang lebih 1 tahun), yang telah menjejaskan proses operasi perniagaan mereka.

JAWAPAN:

Pada masa ini, Jabatan Hal Ehwal Syariah telah melaksanakan beberapa penambahbaikan ke atas proses Pensijilan Halal bagi meningkatkan kecekapan serta ketelusan proses. Antara langkah-langkah penambahbaikan yang telah diambil termasuk:

1. Penilaian semula tempoh TPOR
TPOR telah disemak semula mengikut proses kerja sedia ada dengan mengambil kira kebolehlaksanaannya mengikut tempoh masa yang lebih sesuai dan pratikal.
2. Permohonan secara dalam Talian
Pemohon juga boleh menghadapkan permohonan secara dalam talian untuk mudah cara dan mempercepatkan lagi urusan.
3. Pengurangan dan Penambahbaikan Proses
Proses-proses yang telah dikaji semula, antaranya termasuk menjadikan ujian penyelia halal sebagai prasyarat sebelum permohonan sijil halal dikemukakan sekaligus mengurangkan masa pemprosesan.
4. Pendekatan *Self-Declaration*
Pendekatan baharu iaitu *Self-Declaration* akan diperkenalkan, yang membolehkan pemohon yang sudah mempunyai Sijil Halal dan berhasrat untuk membuat penambahan dalam bahan ramuan dan menu untuk membuat pengisytiharan sendiri tanpa perlu menjalani audit lapangan. Ini memberikan kemudahan yang lebih fleksibel kepada pemohon, dengan tetap mengekalkan

pematuhan melalui pendekatan penguatkuasaan dan penekanan kepada integriti halal.

5. Perkongsian Senarai Bahan Ramuan

Senarai bahan-bahan ramuan yang telah diiktiraf halal oleh MUIB turut disediakan dan dikongsikan melalui laman sesawang rasmi KHEU sebagai panduan dan rujukan kepada para pemohon.

6. Pemantauan Status Permohonan melalui “*Status Tracking*”

Pemantauan berterusan “*Status Tracking*” permohonan turut dilaksanakan bagi memastikan setiap peringkat pemprosesan menepati TPOR yang telah ditetapkan.

Berdasarkan data bagi Bulan Mei dan Jun 2025, pengemaskinian proses ini telah menunjukkan tren positif dengan pencapaian 100% permohonan telah menepati TPOR khususnya peringkat audit berbanding bulan April iaitu sebanyak 58.02%.

Insyaa-Allah, pengemaskinian proses ini akan terus diselaraskan di semua peringkat bagi memastikan pemprosesan sijil halal sentiasa menepati TPOR secara menyeluruh.

No. Soalan: PL261**PERTANYAAN : LISAN****DARIPADA : YANG BERHORMAT AWANG MOHAMMAD BIN ABDULLAH @ LIM SWEE ANN****TARIKH : 05.08.2025 [SELASA]****SOALAN:**

YANG BERHORMAT AWANG MOHAMMAD BIN ABDULLAH @ LIM SWEE ANN meminta **MENTERI SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN** menyatakan adakah Kementerian membenarkan penduduk kampung untuk berjaja makanan atau minuman serta kraftangan di kawasan tersebut menggunakan kem secara sementara untuk menambahkan lagi perekonomian penduduk kampung, memandangkan peningkatan kehadiran pelancong terutamanya di kawasan Luagan Lalak, Mukim Labi, Daerah Belait?

JAWAPAN:

Kementerian sangat menggalakkan usaha mempelbagaikan ekonomi tempatan sebagai salah satu langkah penting dalam memperkukuh kesejahteraan dan daya tahan komuniti kita. Kementerian sememangnya mengalu-alukan segala inisiatif daripada individu, komuniti dan pihak swasta untuk meneroka peluang ekonomi yang inovatif dan lestari termasuklah melalui aktiviti penjajaan makanan, minuman serta kraftangan tempatan, khususnya di kawasan yang menerima kunjungan pelancong.

Sebagai langkah awal, pihak penduduk kampung yang berminat bolehlah membuat permohonan secara rasmi ke Jabatan Perhutanan melalui Ketua Kampong untuk dipertimbangkan bagi memastikan segala aktiviti dijalankan dengan baik dan mengikut peraturan.

Sebarang permohonan yang dihadapkan akan dipertimbangkan dan diberikan secara sementara dengan mengambilkira perkara-perkara berikut:

1. Kesesuaian lokasi dari segi keselamatan dan aliran trafik memandangkan ruang di kawasan Taman Rekreasi Hutan Luagan Lalak yang terhad;
2. Penggunaan kem atau gerai jualan sementara disediakan sendiri oleh pemohon dan tertakluk kepada kesesuaian dari segi saiz; dan
3. Pematuhan terhadap peraturan persekitaran, termasuk pengurusan kebersihan, pembuangan sampah dan penjagaan kebersihan fasiliti awam seperti tandas.

Langkah ini juga bertujuan untuk menjaga kelestarian alam sekitar serta memastikan keselamatan semua pihak terjamin disamping membangun ekonomi tempatan yang bertanggungjawab.

No. Soalan: PL245

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YANG BERHORMAT PENGIRAN HAJI ISA BIN
PENGIRAN HAJI ALIUDDIN

TARIKH : 05.08.2025 [SELASA]

SOALAN:

YANG BERHORMAT PENGIRAN HAJI ISA BIN PENGIRAN HAJI ALIUDDIN meminta **MENTERI PEMBANGUNAN** menyatakan apakah langkah Kementerian memastikan pembaikan telus dan berkualiti oleh kontraktor bagi isu kualiti rumah Perumahan Negara Kg Lugu Fasa 1 & 2? Berapakah statistik aduan dan rumah yang sudah siap dibaiki sepenuhnya?

JAWAPAN:

Terima Kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Terima Kasih juga diucapkan kepada Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin atas soalan yang diajukan.

Kementerian Pembangunan, melalui Jabatan Kemajuan Perumahan, sentiasa memberi perhatian serius terhadap isu kualiti rumah di bawah Skim Perumahan Negara, termasuk di Kawasan Perumahan Negara Kampung Lugu. Usaha penambahbaikan dilaksanakan secara berfasa, dengan pemantauan yang teliti bagi memastikan semua kerja pembaikan dijalankan secara berintegriti, mengikut keutamaan tahap kerosakan serta dalam tempoh tanggungan kecacatan yang ditetapkan.

Bagi rumah-rumah di Kampung Lugu Fasa 2 yang siap dibina pada tahun 2024, sebanyak 627 aduan telah diterima sehingga 29 Julai 2025. Daripada jumlah tersebut, 402 unit rumah telah siap dibaiki sepenuhnya dan disahkan oleh pihak Jabatan Kemajuan Perumahan, manakala 225 unit rumah masih dalam proses pembaikan atau penilaian lanjut.

Jumlah Aduan Diterima	627 Unit Rumah
Selesai Dibaikpulih	402 Unit Rumah (64%)
Sedang & Akan Dibaikpulih	225 Unit Rumah (36%)

Mengikut laporan yang diterima, tidak ada kerosakan-kerosakan besar yang didapati. Jenis-jenis kerosakan rumah yang diterima melalui aduan pemilik rumah adalah seperti berikut:

- *Uneven paint finishes*
- *Doors cannot close properly*
- *Roof leak*
- *Hollow tile*
- *Miscellaneous:*
 - *Loose accessories (door knob, sanitary, window lock)*
 - *Rusty staircase railing*
 - *Minor chips at tile edges or corner*
 - *Hairline cracks on wall and ceilings*
 - *Minor scratches or stains on electrical switch*
 - *Low water pressure at some taps*

Bagi aduan-aduan kerosakan rumah yang diterima, Jabatan Kemajuan Perumahan akan melaksanakan kerja-kerja pembaikan mengikut giliran aduan tersebut berdasarkan keutamaan jenis kerosakkan semasa tempoh tanggungan kecacatan masih berjalan. Bagi mana-mana kerosakkan yang didapati selepas tamat tempoh tersebut, kerja-kerja pembaikan adalah di bawah tanggungjawab pemilik rumah itu sendiri.

Kementerian Pembangunan sentiasa melaksanakan pemantauan berterusan, manakala kerja-kerja pembaikan dilaksanakan sebaik mungkin bagi memastikan kualiti perumahan yang disediakan adalah selesa, selamat dan memenuhi keperluan serta harapan rakyat.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Sekian sahaja jawapan yang Kaola dapat sampaikan dalam menjawab soalan daripada Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin.

No. Soalan: PL287

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YANG BERHORMAT AWANG HAJI MD. SALLEH
BIN HAJI OTHMAN

TARIKH : 05.08.2025 [SELASA]

SOALAN:

YANG BERHORMAT AWANG HAJI MD. SALLEH BIN HAJI OTHMAN meminta **MENTERI PEMBANGUNAN** menyatakan adakah pihak Kementerian Pembangunan akan meneruskan rancangan pembinaan jalan raya dari Kampong Kuala Balai ke Mukim Labi yang pernah dibangkitkan di dalam Persidangan Majlis Mesyuarat Negara sebelum ini? Apakah status terkini mengenai pelaksanaannya?

JAWAPAN:

Terima Kasih Yang Berhormat Yang Di Pertua. Terima Kasih juga kepada Yang Berhormat Awang Haji Md. Salleh bin Haji Othman bagi soalan mengenai pembinaan jalan raya dari Kampong Kuala Balai ke Mukim Labi.

Kementerian Pembangunan sentiasa meneliti keperluan projek-projek infrastruktur berdasarkan keutamaan dan tahap keperluan semasa, khususnya di kawasan pendalaman bagi memastikan kesinambungan akses dan keselamatan pengguna jalan raya.

Berdasarkan penilaian mengenai keutamaan dan keperluan pada masa ini, cadangan pembinaan jalan raya dari Kampong Kuala Balai ke Mukim Lagi belum lagi dapat dilaksanakan.

Bagi memastikan akses di antara dua kawasan ini tidak terputus, Kementerian Pembangunan melalui Jabatan Jalan Raya, Jabatan Kerja Raya telah melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan jalan raya di kawasan pendalaman Daerah Belait seperti berikut:

1. Kontrak Penggal bagi meratakan jalan rosak di Mukim Bukit Sawat yang telah bermula pada 28 April 2025 dan akan siap pada 27 Oktober 2025;
2. Kontrak Penggal bagi meratakan jalan rosak di Mukim Sukang yang telah bermula pada 28 April 2025 dan akan siap pada 27 Oktober 2025;
3. Kontrak Penggal bagi meratakan jalan rosak di Mukim Melilas yang telah bermula pada 28 April 2025 dan akan siap pada 27 Oktober 2025;

4. Projek Menaikkan Paras Jalan Raya di Kawasan Banjir Zon A, Jalan Labi (Kampung Sungai Mau, Kampung Bukit Puan, Beluhur dan Kampung Sungai Petai) yang telah siap dilaksanakan pada bulan September 2024;
5. Projek Menaikkan Paras Jalan Raya di Kawasan Banjir Zon B, (Jalan Laid Lakang, Simpang 1366 Merangking Hilir, Jalan Utama Merangking Hilir, Jalan menuju ke Jambatan Sungai Kagu dan Jalan Kandul) yang telah siap dilaksanakan pada bulan Mei 2025;
6. Projek Menaiktaraf Jalan Singap, Bukit Sawat yang telah bermula pada bulan Januari 2025 dan dijangka siap pada bulan Januari 2026; dan
7. Kerja-kerja pembaikan jalan yang rosak di beberapa bahagian di Kuala Balai melalui kontrak penggal yang telah siap dilaksanakan pada 16 Jun 2025.

Selain daripada projek-projek yang dilaksanakan di atas, Jabatan Kerja Raya juga mempunyai perancangan untuk melaksanakan projek penyelenggaraan jalan raya seperti berikut:

1. Penyelenggaraan Jalan Raya di Mukim Kuala Balai secara berperingkat mengikut keutamaan;
2. Menangani kerosakan jalan raya di Mukim Bukit Sawat melalui Projek Membaiki dan Melapis Semula Jalan-Jalan Aspal (Lebuhraya / Jalan Utama / Jalan Kampung / Jalan Simpang / Perumahan Negara / Pejabat Kerajaan / Komersial) – Pakej 7: Daerah Belait di bawah RKN 12 yang mana tawarannya telah ditutup pada 24 Disember 2024 dan pada masa ini menunggu kebenaran daripada Lembaga Tawaran Negara.
3. *Projek Road Stabilisation Works* di Jalan Merangking, Daerah Belait yang menunggu kebenaran dan dijangka akan bermula pada bulan Ogos ini.
4. *Projek Road Stabilisation Works* di Jalan Sukang, Daerah Belait yang menunggu kebenaran dan dijangka akan bermula pada bulan Ogos ini juga.
5. Projek Menaiktaraf Jalan Biadong, Mukim Sukang yang dijangka akan bermula pada bulan September 2025.

Seterusnya Jabatan Kerja Raya juga akan meneruskan kerja-kerja rutin seperti pemotongan rumput, pembersihan longkang tepi jalan, pembaikan jalan yang berlopak / rosak, serta pembersihan dan penggantian papan tanda keselamatan jalan raya.

Selain daripada kerja-kerja penyelenggaraan jalan raya, Jabatan Kerja Raya juga telah dan akan melaksanakan kerja-kerja membaikpulih cerun di pendalaman Ulu Belait seperti berikut:

1. *Slope Failure Along Road Embankment* – Jalan Merangking KM27, Mukim Bukit Sawat yang telah bermula pada bulan Februari 2025 dan akan siap pada bulan Disember 2025;
2. *Slope Failure Along Road Embankment* – Jalan Buau KM 6.2 & 6.6, Mukim Sukang yang telah siap dilaksanakan pada bulan Mei 2025;
3. *Slope Failure Along Road Embankment* – Jalan Kargu KM 5.3 and 5.9, Mukim Bukit Sawat yang telah siap dilaksanakan pada bulan November 2024;
4. *Slope Failure Along Road Embankment* – Jalan Buau KM 5.8, Mukim Sukang yang telah bermula pada bulan Januari 2025 dan akan siap pada bulan Januari 2026;
5. *Slope Failure Along Road Embankment* – Jalan Merangking KM 21.6 and KM 23 yang telah bermula pada bulan Januari 2025 dan akan siap pada bulan Oktober 2025;
6. *Slope Failure Along Road Embankment* – Jalan Melilas KM 7.1, Mukim Sukang yang telah dibukakan tawaran pada 30 Julai 2025 dan akan ditutup pada 26 Ogos 2025.
7. *Slope Repair Works at* Jalan Merangking KM 27.1, Mukim Bukit Sawat yang pada masa ini dihadapkan permohonan bagi peruntukan baharu;
8. *Slope Repair Works at* Jalan Merangking KM 28, Mukim Bukit Sawat yang pada masa ini dihadapkan permohonan bagi peruntukan baharu; dan
9. *Slope Repair Works at* Jalan Melilas KM 1, Mukim Sukang yang pada masa ini dihadapkan permohonan bagi peruntukan baharu.

Walaupun cadangan jalan baharu tersebut belum dapat dilaksanakan pada masa ini, Kementerian Pembangunan terus memeduli jalan-jalan yang sedia ada di kawasan pendalaman untuk sentiasa berada dalam keadaan selamat dan boleh digunakan melalui pelaksanaan kerja-kerja penyelenggaraan dan pembaikan secara berterusan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, sekian sahaja jawapan yang Kaola dapat sampaikan mengenai persoalan Yang Berhormat Awang Haji Md. Salleh bin Haji Othman tersebut. Sekian Terima Kasih.

No. Soalan: PL265

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YANG BERHORMAT DAYANG CHONG CHIN YEE

TARIKH : 05.08.2025 [SELASA]

SOALAN:

YANG BERHORMAT DAYANG CHONG CHIN YEE meminta **MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI DAN MENTERI KEWANGAN DAN EKONOMI II** menyatakan apakah langkah-langkah yang sedang diterokai untuk menangani situasi di mana pembayaran kerajaan kepada pembekal ditangguhkan, terutamanya dengan mekanisme seperti caj faedah sederhana atau Ta'widh yang boleh mengukuhkan akauntabiliti di kedua-dua belah pihak? Ini adalah sebagai usaha untuk mengekalkan kepercayaan dan kecekapan dalam perolehan awam.

JAWAPAN:

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua,

Terima kasih atas Soalan **PL265** oleh Yang Berhormat **Dayang Chong Chin Yee**. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat soalan mengenai mekanisma caj faedah sederhana atau pampasan bagi menangani situasi di mana pembayaran kerajaan kepada pembekal ditangguhkan mempunyai kaitan dengan **soalan PL280 yang dibangkitkan pada 4 Ogos 2025** dan telah dibangkitkan semasa sesi Majlis Mesyuarat Negara Pertama dari Musim Permesyuaratan ke-21, tahun 2025 dengan jawapannya pada 10 haribulan Mac 2025 yang lalu.

Maka, untuk pengetahuan Ahli-Ahli Yang Berhormat, pada lazimnya **sememangnya mekanisme pampasan yang dimaksudkan ada diselitkan di dalam mana-mana kontrak atau invois tuntutan antara pihak Kerajaan dan pembekal** dan perlu dipersetujui oleh kedua-dua belah pihak samaada pada masa kontrak tersebut ditandatangani atau penerimaan tawaran tersebut.

Sekian, terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.